



BERSAMA PENDENGAR ...Para kakitangan KKFM dan Restoran Tenom Old Town berkesempatan bergambar bersama pendengar bertuah selepas

## KKFM mahu pendengar meriahkan majlis rumah terbuka

UB 22/08/2011 BIG

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

STESEN radio KKFM dijangka mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri pada 17 September depan dan para pendengar setia KKFM dialu-alukan untuk hadir memeriahkan majlis berkenaan.

Pengurusnya, Ady Maldin berkata penganjuran majlis seumpama itu dapat mengeratkan hubungan antara penyampai dan pendengar KKFM.

Menurutnya, majlis berkenaan juga sebagai tanda penghargaan pihak KKFM terhadap kesetiaan para pendengar yang sentiasa menyokong dan mengikuti setiap

perkembangan KKFM.

"Rumah terbuka KKFM akan dibuat di Restoran Tenom Old Town, University Apartment Jalan Sulaman Kota Kinabalu," katanya kepada Utusan Borneo pada majlis berbuka puasa KKFM bersama pendengar Sabtu lepas.

Beliau berkata, kehadiran para pendengar, penyampai dan kakitangan KKFM dijangka akan memeriahkan lagi suasana majlis berkenaan.

Sementara itu, salah seorang pendengar bertuah KKFM yang hadir pada majlis berbuka itu, Roselina Alimudin berkata jemputan untuk berbuka puasa dengan KKFM bagaikan satu kejutan kerana dirinya sama sekali tidak

menyangka akan diberi peluang sebegini.

"Disebabkan waktunya kerja, saya kurang mengikuti siaran KKFM, namun untuk tidak ketinggalan sebarang maklumat terkini, saya mengikutinya melalui laman sosial facebook.

"Penyampai yang saya gemari ialah Dj Rachman melalui segmen 'Cafe 911' dan saya mengenali dia sebelum menjadi penyampai di KKFM lagi," katanya.

Seorang lagi pendengar bertuah KKFM, Arnizah Niyah berpendapat KKFM antara stesen radio yang semakin digemari terutamanya pendengar sekitar bandaraya.

Jelasnya, melalui topik-topik yang diberikan, ia menjadikan para pendengar

tidak sabar untuk menanti topik yang bakal dibincangkan bersama para pendengar.

"Walaupun saya jarang berkesempatan mendengar siaran KKFM di radio, saya sering mengikuti perkembangannya di facebook," katanya.

Bagi Pengurus Tenom Old Town, Riduan Ruben, sejak bulan April lepas, pihaknya sering mengadakan kerjasama dengan KKFM melalui tajaan makanan daripada restoran itu.

"Ini juga antara langkah promosi restoran kami yang baru sahaja memulakan operasi pada November tahun lepas.

"Setakat ini, sambutan para pelanggan semakin

menggalakkan dan dibantu lagi melalui promosi di KKFM, ia satu langkah yang cukup baik," katanya.

Riduan berkata, selalunya untuk majlis seperti berbuka puasa, ia akan dibuat di tingkat dua restoran itu yang mampu memuatkan sekurang-kurangnya lebih 40 orang dalam satu masa.

Terdahulu, Ady berkata KKFM juga akan terlibat dalam menjayakan Majlis Suai Mesra (MSM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan mengadakan 'roadshow' di dataran Dewan Canselor.

"Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan sepanjang program itu berlangsung bagi menyambut kedatangan pelajar-pelajar baru ke UMS," katanya.